

KPDNKK Pahang periksa 15,210 barangan

Wartawan Sinar Harian

1 Jun 2018

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/kpdnkk-pahang-periksa-15-210-barangan-1.841437>



Mark Ujin (dua, kanan) melihat tanda harga baharu barangan di sebuah pasaraya di sini selepas penyetaraan kadar cukai barangan dan perkhidmatan daripada 6 peratus kepada 0 peratus.

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) negeri telah melaksanakan pemeriksaan di 507 premis dan 15,210 jenis barangan seluruh negeri selaras dengan pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah diwartakan kerajaan pada 16 Mei lalu.

Pengarahnya, Datuk Mark Ujin berkata, antara premis yang telah diperiksa termasuk barangan isi rumah, barangan elektrik, restoran, kedai pakaian, kedai kasut dan lain-lain lagi.

Menurutnya, sebahagian besar pemilik premis sudah mula meletakkan perubahan harga dengan menyelaraskan kadar cukai barangan dan perkhidmatan daripada 6 peratus kepada 0 peratus.

"Operasi bersama yang diadakan hari ini adalah untuk mengelakkan sebarang manipulasi harga impak daripada pelaksanaan perubahan cukai oleh mana- mana peniaga.

"Proses peralihan ini mungkin mengambil masa kerana peniaga terpaksa membuat harga baharu selain membabitkan barangan stok lama dan disebabkan itu, ia dilanjutkan sehingga 31 Jun ini," katanya selepas menjalankan pemeriksaan harga di sebuah pasaraya di Kuantan City Mall, hari ini.

Pemeriksaan terbabit dilakukan dengan bersama Jabatan Kastam dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Jelasnya, selain itu, amaran akan dikeluarkan kepada peniaga yang tidak menurunkan harga dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya barangan stok baharu dijual pada harga lama.

Kementerian Kewangan baru-baru ini telah mengeluarkan kenyataan bahawa GST terhadap barangan dan perkhidmatan sama ada buatan Malaysia atau yang diimport akan dikenakan kadar sifar peratus berbanding 6 peratus, berkuat kuasa hari ini.